

12/07/1998

Jangan bertelagah urus Sukan Komanwel

Zainudin Isa; Ahmad Burak

KUALA LUMPUR: Semua pihak yang terbabit menjayakan Sukan Komanwel, Kuala Lumpur '98, dinasihatkan supaya jangan berbeza pendapat, sebaliknya berpadu tenaga meningkatkan kecekapan pengurusan, khususnya pada waktu sebenar sukan itu dilangsungkan.

Sambil mengakui menguruskan temasya yang kedua terbesar di dunia itu tidaklah mudah, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kemudahan fizikal boleh disediakan tetapi masih tidak mencukupi untuk menjayakan temasya itu.

"Kita telah lihat urusan persiapan yang walaupun memuaskan, tetapi kerap dilanda dengan masalah.

"Kadang-kadang kita dapati ada dua nakhoda yang membawa ke arah yang berlainan.

"Semasa persiapan masalah ini tidaklah begitu merunsingkan, tetapi semasa sukan sebenar diadakan, kerjasama semua pihak amatlah penting," katanya ketika merasmikan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, di sini, malam tadi.

Perasmian kompleks berharga RM1.28 bilion yang diadakan dengan penuh warna-warni turut disiarkan secara langsung melalui TV1 dan radio.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Siti Hasmah Ali; Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail; Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, pihak yang menjayakan sukan itu perlu menyelesaikan segera perbezaan pendapat di antara mereka melalui perundingan dan bukannya dihebohkan di luar.

"Selesaikanlah dengan secepat mungkin. Masa tidak mengizinkan kita bertelingkah dan mempertahankan `territory' kita semasa pertandingan diadakan," katanya.

Beliau turut memberi amaran kepada pihak yang cuba mempertahankan `empayar sendiri' apabila negara menganjurkan temasya itu, September ini.

"Tidak perlu kita mempertahankan empayar kita sendiri. Empayar yang ada ialah negara kita, yang maruahnya perlu dipertahankan oleh semua yang terbabit dengan Sukan Komanwel ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, pembukaan kompleks yang indah dan dilengkapi kemudahan terkini itu bukan sahaja membuktikan kesungguhan negara menjayakan sukan paling gemilang itu, malah menjadi simbol kecemerlangan sukan serta menjadi budaya di kalangan masyarakat di negara ini.

Selain itu, katanya, rakyat perlu bersyukur kerana kerajaan memutuskan untuk membina kompleks itu pada waktu negara belum diserang kegawatan ekonomi dan krisis mata wang.

"Dengan itu, kos kompleks ini menjadi lebih rendah. Jika kita hendak bangunan kompleks ini sekarang, sudah tentu kosnya akan berlipat ganda, bahkan kita tidak akan berupaya membinanya sama sekali," katanya.

Malah, menurut Perdana Menteri, pembinaan kompleks berkenaan mungkin tidak dibangunkan jika ia tidak mendapat pulangan daripada acara sukan lain yang boleh digunakan di situ.

Dr Mahathir juga berkata, prestasi dan kecemerlangan dalam bidang sukan sering diiringi dengan tahap kemajuan sesuatu masyarakat.

Dalam majlis itu juga Dr Mahathir mengumumkan nama baru kepada Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil yang dikenali sebagai Kompleks Sukan Negara, Stadium Nasional (stadium utama), Stadium Putra (tertutup), Pusat Akuatik Nasional (kompleks renang), Stadium Hoki Nasional (stadium hoki), Pusat

Skuasy Nasional (stadium skuasy) dan Bukit Komanwel (kawasan rekreasi).

Dua lagi kemudahan untuk Sukan Komanwel di Kompleks Sukan Bukit Kiara juga diberi nama baru iaitu Stadium Juara (Stadium Tertutup) dan Pusat Boling Padang Nasional (Kompleks Boling Padang).

(END)